

Seni silat ghaib diminati oleh belia dan beliawanis

TELUK ANSON, Selasa.

Seni silat ghaib telah mulai diminati oleh seblangan ramai belia belia dan beliawanis di Daerah-daerah Hilir Perak dan Batang Padang semajak beberapa bulan lalu.

Seni silat ini yang pada suatu masa dulu memang mendapat perhatian dan kemudian leryap begitu sahaja, sekarang telah dihidupkan semula.

Silat ghaib ini seakan-akan seni silat gayung, harimau dan sebagainya tetapi ia lebih berbentuk seni silat yang diperolehi dalam mimp, kata gurunya Encik Bidin.

Encik Bidin yang berasal dari Kampung Durian Sebatang, Teluk Anson sekarang mempunyai 100 murid. Murid-muridnya itu kebanyakannya linggal di Sungai Marek, Ipoh, Baglan Datuk, Teluk Anson.

Kebudayaan

Encik Bidin, nama sebenarnya Zaidi, berumur 31 tahun telah mengajar seni silat ghaib sejak berumur 15 tahun di Ipoh dalam tahun 1963. Beliau menjelaskan, seni silat ini diajarkan untuk riadah badan di samping meningkatkan nilai-nilai budaya bangsa yang akan disediakan teras kebudayaan nasional. Katanya, antara permatan-permatan yang diajarkan ialah bermain keris bertutup mata, dengan kain hitam tujuh lapis dan bersilat asas api.

Permatan ini diajarkan

bukan bertujuan untuk menunjukkan kepandaian diri tetapi sebagai permatan. "Kita sertiasa mengingatkan murid-murid supaya jangan mengukuri pelajaran yang di beri untuk mencari lawan tetapi sebaliknya sebagai mempertahankan diri," tegas Encik Bidin. Beliau menerangkan sambutan yang diberi oleh masyarakat sunggu menggalakkan, terutama dari kalangan kaum tua yang akan kenduri dikalangan kaum dan majlis berkhairat.

Pelajaran

Katanya, murid-murid yang memasuki pasukan seni silat ini terdiri dari murid-murid sekolah lelaki dan perempuan. Mereka memasuki ini kerana dapat menunjukkan diri di majlis perkahwinan atau majlis-majlis lain.

Tiap-tiap satu pelajaran yang diberi memakan masa enam bulan dan tiap-tiap seorang murid dikehendaki menyediakan senjata kain hitam panjang satu eka, seperti paman nips untuk belian.

"Sangat tidak mengenaikan apa-apa bayaran khas, kerana tujuan saya mengajar itu bukan untuk mencari keuntungan tetapi sebaliknya sebagai meningkatkan kesenian Melayu," tegas beliau.

Gambar atas menunjukkan Encik Bidin bersama-sama murid-murid perempuannya selepas tamat latihan. Laballah bagaimana fagahnya gadis-gadis belasan tahun itu yang bersenjatakan pedang dan keris.

Gambar dan berita oleh M. SAYUTI ELHAM